

04/09/1997

Pendidik perlu pantas guna multimedia

KOTA KINABALU, Rabu - Golongan pendidik perlu pantas memperkemaskan diri dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran yang bertumpu kepada aplikasi sains dan teknologi dengan menggunakan sepenuhnya kecanggihan teknologi multimedia.

Ini kerana tugas guru dalam zaman teknologi maklumat tidak lagi hanya bercakap dan menggunakan kapur di papan hitam semata-mata, tetapi bertindak sebagai fasilitator yang dapat membantu pelajar menyelesaikan masalah dalam proses pembelajaran mereka.

Sehubungan itu, bagi menghadapi cabaran era berkenaan, penggunaan teknologi multimedia dijangka terus menjadi pilihan utama dalam kegiatan pengajaran dan pembelajaran khususnya di Sekolah Bestari, sebagaimana yang dirancang penubuhannya oleh Kementerian Pendidikan.

Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee, berkata demikian ketika Majlis Penyerahan 12 Komputer bernilai RM44,000 serta merasmikan Pusat Multimedia Sekolah Menengah Agama Kota Kinabalu (SMAKK), dekat sini semalam.

Menurut Yong, pelajar pada zaman teknologi maklumat (IT) perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran menggunakan komputer yang merangkumi pengetahuan mengenai pelbagai sumber bagi memperolehi maklumat dan ilmu; berfikir secara kritis dan kreatif; mengaplikasi konsep yang dipelajari dari perspektif global serta kemahiran dalam penggunaan multimedia dan internet.

Ini bermakna kecanggihan perisian komputer dengan penggunaan multimedia dalam sistem pendidikan secara langsung dapat membantu meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

"Penggunaan Pusat Multimedia di sekolah perlu digunakan semaksimum mungkin untuk mendapatkan seberapa banyak ilmu dan maklumat yang berguna, manakala golongan pendidik mengambil inisiatif merangsang serta memberi peluang kepada pelajar menggunakan kreativiti supaya mereka tidak tercicir dan tenggelam dalam arus kemajuan yang sedang melanda negara ini," katanya.

Beliau memberi saranan demikian kerana Malaysia kini sedang memasuki alaf baru teknologi maklumat dengan wujudnya Koridor Raya Multimedia (MSC) yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Penubuhan bandaraya Cyberjaya yang terletak di tengah-tengah kawasan pembangunan MSC pula, menjadikannya bandaraya teknologi maklumat (IT) yang paling unik dan pertama di dunia menggabungkan konsep hubungan empat hala iaitu manusia sesama manusia, alam, teknologi dan pencipta.

Kajian yang dibuat menunjukkan industri multimedia dalam MSC dapat menjana nilai ekonomi negara pada kadar kira-kira RM70 bilion selepas lima tahun penubuhannya.

Dengan MSC juga, negara mempunyai potensi untuk mempertingkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi setiap penduduk sehingga tiga atau empat kali ganda menjelang 2020.

Selaras penubuhan MSC itu, Kementerian Pendidikan melaksanakan pula usaha mewujudkan Sekolah Bestari yang dianggap sebagai langkah bijak ke arah mengkomputerkan sistem pendidikan di negara ini.

Kementerian Pendidikan menjangkakan akan wujud 10,500 Sekolah Bestari di seluruh negara menjelang 2010, sejajar dengan era siber dan teknologi maklumat yang semakin pesat berkembang.

Sehubungan itu, Yong berkata kerajaan negeri akan memberi tumpuan kepada usaha membekalkan peralatan multimedia dan komputer di sekolah dengan

setiap wakil rakyat disarankan menggunakan peruntukan yang disediakan untuk mereka bagi melaksanakan langkah itu.

(END)